

RM1.7 bilion hasil kutipan cukai

UTUSAN

KUALA LUMPUR 8 Nov. -

Kerajaan berjaya mengutip hasil pembayaran cukai berjumlah RM1.71 bilion di bawah Program Tawaran Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai melibatkan 52,299 kes setakat 31 Ogos lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, jumlah itu meliputi kutipan cukai pendapatan sebanyak RM1.4 bilion, melibatkan sebanyak 20,092 kes, manakala sejumlah RM304 juta pula adalah hasil kutipan penalti untuk 32,207 kes.

Beliau menjelaskan, kerajaan menawarkan program itu bermula 1 Mac lalu sebagai pertimbangan khas dalam pengumuman pengubahsuaian Bajet 2016 untuk melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela melaporkan pendapatan mereka.

“Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang melanjutkan tempoh program tawaran itu yang berakhir 15 Disember ini,” katanya ketika menjawab soalan **Datuk Shabudin Yahaya (BN-Tasek Gelugor)** berhubung hasil kutipan cukai di bawah program itu dalam sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat hari ini.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum ini menyatakan bahawa tawaran program itu diberikan terhadap pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan dan Borang Nyata Petroleum pada tahun sebelumnya jika membuat pengakuan secara sukarela.

Pihak LHDN turut menawarkan pengurangan kepada pembayar cukai yang telah mengemukakan kedua-dua borang tersebut.